

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

lokal

Satu kes positif dikesan di bawah skim PCA

Kota Tinggi: Satu kes positif Covid-19 direkodkan di bawah skim Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) perjalanan rentas sempadan Malaysia dan Singapura yang dilaksanakan sejak 17 Ogos lalu, kata Menteri Kesehatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, bagi skim Laluan Hijau Timbal Balik (RGL), tiada kes dilaporkan berlaku setakat ini.

"Imported case (kes import)...ada satu positif di bawah PCA dan sudah pun di-

rawat.

"Apabila dikenal pasti positif, apa yang kita buat ialah mengendalikan kes ini dengan cepat iaitu siasat perjalanan mereka dan juga kontak rapat. Jika didapati kontak ada di Malaysia, mereka akan diisolasi, malah pihak Singapura juga akan dimaklumkan bahawa mereka perlu cari kontak rapat yang lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan Klinik Kesihatan Sungai Rengit di sini, se-

malam.

Beliau berkata, individu yang disahkan positif itu merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 35 tahun dan bekerja di Singapura yang pulang ke negara ini di bawah skim PCA pada 29 Ogos lalu.

Dr Adham berkata, lelaki terbabit yang tidak ber-gejala di-

dapati positif Covid-19 pada 2 September sudah dimasukkan ke sebuah hospital di negeri ini dan kini berada dalam keadaan stabil.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, sejak 17 Ogos hingga semalam, seramai 2,647 individu di bawah PCA dan 815 bagi RGL direkodkan memasuki negara ini dari Singapura.

Pelaksanaan Skim RGL dan PCA bertujuan menangani keperluan kumpulan berbeza yang melakukan perjalanan rentas sempadan di antara Malaysia dan Singapura.

Terdahulu, beliau berkata, Klinik Kesihatan Sungai Rengit adalah satu-satunya klinik kesihatan di negara ini yang mempunyai kelengkapan 10 katil di Unit Kece-masan bagi menampung keperluan kes kecemasan di kawasan sekitar, terutama-



DR ADHAM

nya di kawasan Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid), Kompleks Bersepadu Pengerang. - Bernama

Individu merupakan lelaki warganegara Malaysia berusia 35 tahun bekerja di Singapura

2 pulih, 6 kes baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak enam kes baharu Covid-19 direkodkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 9,397 kes manakala kes aktif adalah 154 kes di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, tiga kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di Indonesia dan Bangladesh membabitkan tiga individu bukan warganegara dilaporkan di Kuala Lumpur.

"Daripada tiga kes penularan dalam negara terdapat dua kes membabitkan Kluster Benteng Lahad Datu dan satu kes lagi membabitkan *Severe Acute Respiratory Infection* (Sari

dikesan di sebuah pusat perubatan yang kini menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat enam kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan tiga kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak dua kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah sebanyak 9,115 kes atau 97 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan semalam yang menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal sebanyak 128 kes," katanya.

434 individu tunggu ujian saringan Covid-19

Kuala Lumpur: Seramai 434 individu masih menunggu keputusan saringan membabitkan Kluster Benteng LD (Lahad Datu) di Lahad Datu dan Tawau, Sabah, sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 776 individu disaring dalam kluster ini dengan 16 kes positif Covid-19 termasuk dua kes baharu yang direkodkan semalam.

"Di Lahad Datu, seramai 420 individu disaring dengan tujuh kes dikesan positif Covid-19, manakala 259 individu negatif dan 154 individu masih menunggu keputusan bagi kluster ini.

"Di Tawau pula, seramai 356 individu disaring dengan sembilan kes dikesan positif Covid-19, manakala 67 individu negatif dan 280 individu masih menunggu keputusan.

"Pengesanan kes secara



DR NOOR HISHAM

aktif dan saringan kontak rapat sudah dijalankan membabitkan kluster ini," katanya semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Noor Hisham menasihatkan semua anggota barisan hadapan sama ada dalam sektor kesihatan atau keselamatan harus sentiasa berwaspada terhadap apa juga cabaran dalam mencegah penularan penyakit berjangkit tanpa mengira individu, tempat dan masa.